

30 SEP 2003

Kastam-Maklumat

KASTAM SELANGOR BAYAR RM2 JUTA KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

PELABUHAN KLANG, 30 Sept (Bernama) -- Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Selangor sudah membayar sebanyak RM2 juta kepada 100 pemberi maklumat terdiri daripada orang awam berhubung aktiviti mengelak cukai kastam dari Januari hingga Sept tahun ini.

Pengarahnya Datuk Wazir Muaz berkata pembayaran itu dilakukan mengikut nilai dan peratus tertentu bergantung kepada jumlah nilai rampasan yang dibuat KDRM.

"Pembayaran kepada pemberi maklumat adalah lumayan. Oleh sebab itu kita mengadakan pelbagai program bagi memberitahu masyarakat mengenai perkara ini supaya mereka boleh sama-sama membantu kastam mengetatkan lagi pencegahan," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata sehubungan itu, KDRM mengadakan Kempen Mencegah Penyeludupan Kebangsaan di Port Dickson yang bermula 26 hingga 28 Sept lepas.

Wazir juga berkata aktiviti penyeludupan dan mengelak cukai rokok serta minuman keras dijangka meningkat sehubungan tindakan kerajaan menaikkan cukai kedua-dua produk itu pada Bajet 2004 yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir 12 Sept lepas.

Ia membabitkan kenaikan cukai import dan eksais sebanyak 20 peratus kepada tembakau dan produk tembakau lain serta kenaikan 10 peratus cukai import dan eksais bagi minuman keras.

Terdahulu, beliau berkata KDRM Selangor merampas 6,240 karton rokok kretek pelbagai jenama bernilai RM96,800 dan jumlah cukai bernilai RM390,477.80 berikutan maklumat awam dan hasil intipan pegawai bahagian pencegahan di Jalan Meru, Klang, Sabtu lepas.

Katanya selepas mengejar lori yang membawa muatan seludup itu, KDRM turut merampas lori berkenaan manakala pemandunya sempat melarikan diri.

Beliau berkata siasatan masih dijalankan bagi mendapatkan pemilik lori berkenaan.

-- BERNAMA

SHS ROS